

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
[ TANJONG KARANG ]**

**TARIKH : 2 DISEMBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah harga rumah PPR yang baru dan berapa jumlah subsidi yang diberi.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) sehingga kini dijual dengan harga RM35,000 seunit di Semenanjung dan RM42,000 di Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, Kerajaan terpaksa menanggung penyediaan subsidi hampir mencecah RM150,000 bagi seunit rumah. Oleh yang demikian, **Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT)** berpandangan harga jualan tersebut perlu dinilai semula dan penyediaan subsidi yang tinggi di pihak Kerajaan adalah amat membebankan untuk jangka masa panjang.

2. Sehubungan itu, KPKT bercadang untuk menjenamakan semula Program Perumahan Rakyat (PPR) kepada Program Perumahan Malaysia (PPM).

**3. Cadangan penetapan harga jualan seunit rumah bagi Program Perumahan Malaysia (PPM) adalah berdasarkan kepada harga rumah mampu milik mengikut median pendapatan penduduk setempat di setiap negeri serta harga jualan adalah di bawah RM300,000 seunit selaras dengan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Walau bagaimanapun perkara ini masih dalam tindakan Kementerian dan belum dimuktamadkan.**

Sekian, terima kasih.